

Newspaper : Berita Harian

Section : Bisnes

Date : November 12, 2014

Page : B4

Title : MRCB bina jejambat RM115 juta

## MRCB bina jejambat RM115 juta

**Malaysian Resources Corp Bhd** (MRCB), pemaju hartanah dan infrastruktur, akan membina jejambat bernilai RM115 juta bagi menghubungkan Jalan Klang Lama dan New Pantai Expressway.

Naib Presiden Eksekutifnya, Datuk Ishak Mohamed, berkata projek jejambat itu akan menjadi antara jalan alternatif yang memendekkan masa perjalanan ke Bangsar, Sunway dan Subang dari Seputeh.

### Ambil masa dua tahun

Pembinaan jejambat berkenaan dijangka mengambil masa dua tahun.

Berdasarkan kajian lalu lintas yang dijalankan MRCB, 80 peratus kenderaan persendirian dan 20 peratus kenderaan awam milik penduduk sekitar Seputeh dan Lembah Pantai dijangka memanfaatkan jejambat baharu berkenaan.

"Selain itu, MRCB turut membangunkan projek Nine Seputeh dengan nilai pembangunan kasar RM2.6 bilion di kawasan seluas 7.042 hektar.

"Projek berkenaan merangkumi kira-kira 2,000 unit pangsa-puri servis di Parcel A, B dan C, dan bagi Parcel D pula, sebuah institusi pendidikan akan dibina bagi memberikan nilai tambah



Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bersama Pengarah Urusan MRCB, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (dua dari kiri) pada **majlis pecah tanah pembinaan jejambat**, di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AIZUDDIN SAAD/ BH]

kepada projek Nine Seputeh," katanya pada majlis pecah tanah pembinaan jejambat itu, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MRCB, Imran Salim berkata, kumpulan itu akan melancarkan projek itu secara berperingkat,

bergantung kepada permintaan pasaran.

"Setakat ini kami sudah melancarkan dua blok. Secara keseluruhannya, projek itu meliputi pembangunan komersial, pejabat kecil/pejabat rumah, pasar raya runcit kecil setempat, dan 75 peratus apartmen

servis sudah pun ditempah," katanya.

Beliau berkata, projek dalam tangan bahagian pembinaan setakat ini sebanyak RM5 bilion.

"Kami juga sedang dalam proses membida pelbagai projek kerajaan dan swasta," katanya

**BERNAMA**